

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 22 OGOS 2022
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 26

Kerjasama TNB dan Petronas bangun teknologi CCS

Kerjasama TNB dan Petronas bangun teknologi CCS

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Petronas menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) untuk mengukuhkan kerjasama dalam memacu penyelesaian inovatif ke arah usaha nyahkarbon bagi menyokong aspirasi Malaysia untuk menjadi negara neutral karbon menjelang 2050.

Ini akan dicapai terutamanya melalui kajian kolaboratif untuk pembangunan hijau ekosistem hidrogen dan teknologi penyimpanan karbon (CCS) yang memanfaatkan kepakaran teknikal dan sumber organisasi kedua-dua pihak.

MoU berkenaan ditandatangani oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) TNB, Datuk Ir Baharin Din dan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Petronas, Datuk Tengku Muhammad Taufik Tengku Aziz.

Majlis itu dipengerusikan oleh Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan.

Takiyuddin berkata, ker-



Masa memulakan usaha ini juga tepat kerana kerajaan dijadualkan melancarkan Dasar Tenaga Negara 2021-2040 tidak lama lagi”

Takiyuddin

jasama itu akan membantu mempercepatkan usaha kerajaan dalam aspirasinya untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau.

“Masa untuk memulakan usaha ini juga tepat kerana kerajaan dijadualkan melancarkan Dasar Tenaga Negara 2021-2040 tidak lama lagi yang akan menggariskan peralihan Malaysia kepada tenaga hijau,” katanya dalam kenyataan.

Kedua-dua syarikat juga menyatakan komitmen mereka terhadap *Net-Zero Carbon Emissions* (NZCE) 2050.